**SOALAN NO: 27**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN:** LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL**

**TARIKH :** 8 OKTOBER 2014

**SOALAN :**

**Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyak dan jenis-jenis kes pencemaran sungai dan sumber air yang diadukan oleh masyarakat dan berapa kejayaan Kementerian dalam mendakwa dan jenis hukuman yang dikenakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari 2014 sehingga kini, Jabatan Alam Sekitar telah menerima sejumlah 467 kes aduan yang melibatkan pencemaran air. Pencemaran air ini meliputi pelepasan efluen daripada perindustrian, pelepasan kumbahan dan juga tumpahan ke perairan daratan seperti sungai atau parit.

Bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2014, berikut adalah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar:

i. **57 kes** telah ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan ) 2009 dengan kutipan sebanyak RM **44,500.00;**

ii. **2 kes** tindakan mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan ) 2009 dengan jumlah terkumpul denda **RM 23,200.00;**

iii. **225 kes** telah ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dengan kutipan sebanyak **RM 284,000.00;**

iv. **31 kes** tindakan mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dengan jumlah terkumpul denda sebanyak **RM 1.642 juta**;

v. **4 kes** tindakan mahkamah di bawah Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan jumlah terkumpul denda **RM 80,000.00**; dan

vi. **18 kes** mahkamah di atas kegagalan mematuhi syarat lesen bagi premis yang ditetapkan Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah dengan jumlah terkumpul denda **RM 321,000.00**.

Sesiapa yang melakukan kesalahan mencemarkan sungai juga boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 25 (3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dengan hukuman denda tidak lebih daripada RM100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali di samping denda tambahan tidak lebih daripada RM1000.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Sekian, terima kasih.